

Headline	Tingkat kualiti bahan binaan atau berdepan tindakan - CIDB
MediaTitle	Kosmo
Date	28 Nov 2015
Section	Negara
Page No	18
Language	Malay
Journalist	FARHANA HANIM MOHD. MYDIN
Frequency	Daily



## Tingkat kualiti bahan binaan atau berdepan tindakan – CIDB

Oleh FARHANA HANIM MOHD. MYDIN

**KUALA LUMPUR** – Lembaga Pembinaan Industri Malaysia (CIDB) mengingatkan pengeluar bahan binaan supaya mematuhi Perakuan Pematuhan Kualiti bahan binaan untuk projek pembinaan seperti yang digariskan di dalam Akta 520 (Pindaan 2011) berkuat kuasa 1 Disember ini.

Pengurus Besar Kanan Sektor Operasi, CIDB, Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani (**gambar**) berkata, tujuan peruntukan akta tersebut adalah bagi memastikan setiap bahan binaan yang dikuatkuasakan mencapai tahap kualiti yang tinggi sebelum digunakan di dalam projek-projek pembinaan. “Ia bagi memastikan produk pembinaan yang digunakan tidak menjejaskan keselamatan pengguna dan pekerja binaan. Selain itu, peruntukan ini juga bagi memudahkan pengenalan kualiti kepada pengguna melalui keseragaman penandaan pada produk binaan.

“Semua kontraktor,

pengedar dan pengilang bahan binaan digesa untuk

memastikan bahan-bahan binaan yang digunakan memenuhi keperluan standard yang ditetapkan supaya tidak dikenakan tindakan,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Gesaan itu dibuat berikutan tamat peruntukan peralihan untuk penguatkuasaan kualiti bahan binaan seperti yang digariskan di dalam Akta 520 (Pindaan 2011).

Pindaan akta itu telah diwartakan penguatkuasaan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof pada 1 Jun lalu.

Megat Kamil Azmi berkata, mengikut Akta 520 (Pindaan 2011), mana-mana pihak yang didapati menggunakan bahan binaan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat tanpa Perakuan Pematuhan Standard daripada CIDB, boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 tetapi tidak melebihi RM500,000 jika sabut kesalahan.

Sehubungan itu, mak-

lumat lanjut berkaitan standard dan pendaftaran bahan binaan boleh didapati menerusi emel [qpass@cidb.gov.my](mailto:qpass@cidb.gov.my) atau telefon **03-4047 7447/7438**.



ANGGOTA bomba melakukan kerja-kerja menyelamat ekoran kejadian tempat letak kereta runtuh di sebuah pasar raya di Pulau Sebang, Melaka pada Jun lalu. – Gambar hiasan.